



PROTON

Siaran Akhbar

PROTON MENGEKALKAN PERTUMBUHAN JUALAN POSITIF

- 9,127 unit kereta didaftarkan pada Ogos bersamaan pegangan pasaran sebanyak 17.6%
- Pertumbuhan jumlah keseluruhan jualan dari tahun ke tahun sebanyak 36% adalah tertinggi antara lima jenama terkemuka
- Proton Saga menerima 10,000 unit tempahan dalam tempoh kurang sebulan

Subang Jaya, 3 September 2019 – PROTON meneruskan momentum kenaikan jualan bagi tahun 2019 selepas mencatatkan jualan kereta sebanyak 9,127 unit pada bulan Ogos 2019. Jumlah tersebut mewakili 17.6% daripada Jumlah Keseluruhan Industri (TIV) untuk bulan Ogos, menjadikan keseluruhan pegangan pasaran Syarikat untuk tahun ini sebanyak 15.3%. Dari tahun-ke-tahun, pertumbuhan jualan kini berada pada kadar 36%, meskipun TIV telah menurun sebanyak 5.8% berbanding tahun 2018.

PROTON satu-satunya antara lima jenama terkemuka mencatatkan jumlah pertumbuhan dua digit

Dengan mencatat kadar pertumbuhan terbaik berbanding lima jenama automotif di Malaysia, PROTON kini berada di kedudukan yang betul untuk mengatasi keseluruhan jaluannya pada 2018 iaitu sebanyak 64,744 unit. Jumlah jualan pada akhir Ogos adalah sebanyak 61,396 unit dan, menjangka bahawa momentum pertumbuhan jualan akan kekal sehingga hujung tahun, Syarikat bakal mengatasi jumlah jualan tahun 2018 pada sebelum akhir bulan September.

"PROTON sangat berterima kasih di atas penerimaan pelanggan terhadap pelbagai penawaran yang diberikan oleh kami. Syarikat telah mencatatkan pertumbuhan jualan terbaik berbanding lima jenama terkemuka pada tahun ini dan meskipun TIV Malaysia telah menurun sebanyak 5.8%, pertumbuhan jualan sebanyak 36% menunjukkan kami kini berada di landasan yang betul. Melalui inisiatif seperti pembukaan lebih banyak cawangan 3S/4S serta penambahbaikan khidmat pelanggan dan kualiti produk yang ditetapkan untuk tahun ini, kami yakin akan dapat mengakhiri 2019 dengan kedudukan yang kukuh," kata Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Dr Li Chunrong.

Tempahan Saga 2019 melebihi 10,000 unit

Tempahan yang diterima untuk Saga 2019 yang dilancarkan pada 6 Ogos lalu kini telah melebihi 10,000 unit. Lebih 1,000 daripada tempahan tersebut adalah melalui platform secara dalam talian PROTON di mana pelanggan boleh menempah model tersebut hanya dengan RM9.99. Oleh kerana model ini mendapat penerimaan luar biasa, Syarikat melanjutkan tempoh tempahan dalam talian sehingga 17 September.

"Melihatkan pada angka tempahan yang diterima, Saga 2019 ini sangat popular di kalangan para pelanggan yang tertarik dengan rekaannya yang diperbaharui, komponen yang dipertingkatkan serta sistem infotainment skrin sentuh yang ditawarkan. Kami juga kagum dengan jumlah tempahan dalam talian yang diterima, di mana angka tersebut telah melebihi jumlah yang kami terima untuk Proton X70, justeru itu, kami melanjutkan tempoh tempahan dalam talian untuk memberi peluang kepada pelanggan menggunakan platform yang disediakan," tambah Dr Li Chunrong.

- Tamat -



M/s 2 Dari 2

PROTON MENGEKALKAN PERTUMBUHAN JUALAN POSITIF

Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:

Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com